

14 JUL 2003

Merdeka-Sambutan

KUALA LUMPUR SAMBUT KEMERDEKAAN LUAR BIASA

PASIR PUTEH, 14 Julai (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mengatur persiapan untuk menyambut Hari Kemerdekaan negara pada tahun ini secara luar biasa sempena persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar berkata sambutan itu adalah wajar kerana hari kemerdekaan yang disambut pada 31 Ogos hampir menyamai tarikh akhir persaraan Dr Mahathir.

"Perdana Menteri yang begitu banyak berjasa kepada negara seharusnya diberi penghormatan yang setinggi-tingginya sebagai mengenang budi," katanya kepada pemberita pada majlis Program Mesra Warga Emas di sini hari ini.

Pada majlis yang dianjurkan oleh Kawasan Rukun Tetangga (RT) Bukit Abal itu, Tengku Azlan menyampaikan hadiah kepada 300 penduduk warga tua yang kurang bernasib baik di sekitar Dewan Undangan Negeri Selising.

Tengku Azlan berkata antara acara yang sedang diatur termasuk majlis mengenang kembali kejayaan-kejayaan Perdana Menteri membangunkan negara, pembacaan sajak, nyanyian, tarian dan bunga api 10 minit sebelum pukul 12 tengah malam.

Beliau berkata lebih 100 bangunan termasuk bangunan kerajaan dan premis-premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur akan turut mengadakan acara sambutan lebih besar dari sambutan-sambutan kemerdekaan yang lepas.

Menurutnya rakyat dari segenap lapisan masyarakat seharusnya turut menyambutnya lebih besar dari tahun-tahun sebelumnya kerana jasa Perdana Menteri tidak boleh dibalas dengan wang ringgit.

Katanya ini termasuk parti-parti pembangkang seperti Pas kerana parti itu juga turut merasai nikmat hasil pengorbanan Perdana Menteri mencurahkan bakti selama 21 tahun.

Tengku Azlan berkata inilah masanya jika parti itu berhasrat memberi satu penghormatan sebagai pemimpin yang terserlah bukan sahaja di negara ini bahkan di arena antarabangsa.

"Kita tolak soal-soal kepentingan politik, ketepi sedikit untuk memberi satu penghormatan kepada orang yang begitu banyak menabur budi," katanya.

-- BERNAMA

WM BD ROS